



SENARAI SEMAK PERMOHONAN BERKAHWIN NEGERI SELANGOR (PEREMPUAN)



PROSEDUR

1. Hadir Kursus Pra Perkahwinan.
2. Dapatkan Borang 2C dan 2D Dengan Mengisi Permohonan Secara Online Di Alamat <http://ncr.jais.gov.my>.
3. Lengkapkan Borang Dan Lampirkan Dokumen Sokongan.
4. Dapatkan Pengesahan Dari Penolong Pendaftar Nikah Kariah.
5. Dapatkan Kebenaran Berkahwin Dari PAID.
6. Akad Nikah Dijalankan.
7. Ambil Surat Perakuan Nikah di JAIS / PAID.

DOKUMEN SOKONGAN (SAIZ A4)		TANDAKAN √
1	Salinan MyKad (warganegara) / Passport (warganegara asing) pemohon. (Pindaan status agama kepada Islam didalam mykad hendaklah dibuat jika pemohon adalah saudara baru)	
2	Salinan MyKad (warganegara) / passport (warganegara asing) 2 orang saksi.	
3	Salinan MyKad (warganegara) / passport (warganegara asing) wali.	
4	Sijil Kursus Pra Perkahwinan dan salinan (Diiktiraf oleh JAKIM / JAIS / JAWI / JAIN).	
5	Rekod Ujian Saringan HIV (Hanya di klinik kerajaan sahaja).	
6	Borang 1 (Akuan Pengesahan Pemastautinan) yang disahkan oleh Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung / Nazir / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk / Pengerusi Taman Perumahan (bagi pemohon yang mempunyai perbezaan alamat tempat tinggal dengan alamat di dalam MyKad).	
7	Surat Kebenaran Berkahwin Lelaki.	
8	Surat Perakuan Nikah Iubapa dan salinannya.	
9	Sijil Kematian wali dan salinannya.	
10	Surat Perakuan Cerai dan salinannya (Jika bercerai hidup).	
11	Surat Perakuan Nikah dan Sijil Kematian pasangan beserta salinan (Jika bercerai mati).	
12	Surat / Kad Perakuan Islam dan salinannya (Jika pemohon Saudara baru).	
13	Surat kelulusan dari KAGAT / PDRM (Jika pemohon anggota Tentera / Polis).	

14	Surat Kebenaran Berkahwin daripada Konsulat / Kedutaan / UNHCR dan Imigresen (Jika warganegara asing).	
15	Salinan Borang 2C, 2D dan dokumen sokongan (Jika pemohon bernikah di luar daerah / negeri / negara).	

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bil.	Maklumat Tambahan
1.	a) Pemohon yang cacat anggota (seperti pekak / bisu / buta / lumpuh dan lain-lain), janda, berumur 40 tahun ke atas, warganegara asing yang tidak memahami Bahasa Malaysia atau lain-lain keadaan yang wajar boleh dikecualikan daripada mengambil Kursus Pra Perkahwinan oleh PK, NCR / PNCR
2.	a) Borang 2C dan 2D ini hanya untuk pemohon yang beralamat MyKad atau bermastautin di Negeri Selangor sahaja. b) Kadar bermastautin adalah 4 bulan atau lebih walaupun alamat MyKad di luar Negeri Selangor. c) Kelayakan bermastautin adalah apabila memperolehi pengesahan bermastautin dari Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung / Nazir / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk / Pengerusi Taman Perumahan (Hanya pengesahan dari jawatan yang disenaraikan sahaja diterima) . d) Pemohon berasal dari Sabah/Sarawak hendaklah mengemukakan salinan cabutan daftar kad pengenalan daripada JPN.
3.	a) Borang ini bolehlah diisi 3 bulan sebelum akad nikah dijalankan. b) Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap menggunakan huruf besar dan berdakwat hitam atau biru tanpa ditandatangani dahulu. c) Setiap kesalahan perkataan hendaklah dipotong dan ditandatangani ringkas atau diganti dengan borang baru. d) Memadam perkataan yang salah atau ditindih adalah tidak dibenarkan. e) Pastikan dokumen sokongan adalah betul, mencukupi, dan dilampirkan bersama dengan borang sebelum berjumpa PPN. Jangan palang/tandakan setiap dokumen sokongan dengan sebarang tulisan.
4.	a) Pemohon, wali yang sah dan 2 orang saksi hendaklah berjumpa dengan PPN di mana pemohon bermastautin untuk mendapatkan pengesahan dan sokongan berkahwin. b) Jika ketiadaan PPN, pemohon, wali dan 2 orang saksi hendaklah hadir ke PAID. c) Syarat 2 orang saksi ini hendaklah lelaki yang berumur 18 tahun ke atas dan mengenali status pemohon. Pastikan tandatangan pemohon, wali dan 2 orang saksi dibuat di hadapan PPN. Wakalah wali pada Borang 2D hendaklah dilengkapi di hadapan PPN. d) Pastikan PPN telah membuat pengesahan dengan bukti tandatangan, tarikh dan cop rasmi pada borang permohonan.

5.	<ul style="list-style-type: none">a) Setelah sempurna pengesahan PPN, pemohon / wakil hendaklah hadir ke PAID di mana pemohon bermastautin untuk mendapatkan kelulusan dan Surat Kebenaran Berkahwin.b) 2 orang saksi tidak perlu di bawa bersama ketika berurusan di PAID.c) Kelulusan dalam borang akan diberikan jika permohonan lengkap.d) Surat Kebenaran Berkahwin akan dikeluarkan dalam masa satu (1) hari setelah menerima bayaran RM10.00.e) Surat Kebenaran Berkahwin ini sah laku dalam tempoh 3 bulan dari tarikh dikeluarkan.f) Seandainya pemohon tidak bernikah dalam tempoh 3 bulan tersebut, kelulusan dan Surat Kebenaran Berkahwin hendaklah dipulangkan kerana terbatal dan pemohon perlu mendapatkan Surat Kebenaran Berkahwin yang baru.
6.	<ul style="list-style-type: none">a) Surat Kebenaran Berkahwin yang diperolehi hendaklah diserahkan kepada PPN sebelum akad nikah dijalankan.b) Surat Perakuan Nikah (SPN) boleh diambil selepas 5 hari bekerja dari tarikh pendaftaran oleh PPN ke PAID. SPN hanya boleh diambil oleh suami dan isteri sahaja.c) Pastikan suami menandatangani ta'liq di belakang Surat Perakuan Nikah (SPN) semasa mengambil Surat Perakuan Nikah (SPN).d) Surat wakil serta salinan MyKad pasangan dan wakil hendaklah dikemukakan sekiranya pasangan tidak dapat hadir.